

**20/3/2015**

Kenyataan Media oleh Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

## **KAJIAN SEMULA TARIF AIR PULAU PINANG UNTUK KURANGKAN PENGGUNAAN AIR DAN MENJADIKAN PULAU PINANG 'HIJAU'**

PULAU PINANG, Jumaat, 20/3/2015: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin mengulangi bahawa kajian semula tarif air Pulau Pinang telah diumumkan tahun lepas. PBAPP telah mengemukakan cadangan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada Julai 2014. Ia mendapat sokongan SPAN, diluluskan dan diwartakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 15 Februari 2015.

Tarif air yang baru akan diperkenalkan pada 1 April 2015 untuk mengurangkan penggunaan air dan menjadikan Pulau Pinang 'HIJAU'.

Objektif utama kajian semula tarif air ialah untuk memudahkan pengurusan permintaan air bagi mengelakkan catuan air. Beberapa negeri seperti Negeri Sembilan dan Johor telah melaksanakan catuan air berikutan kekurangan air manakala beberapa tempat di Selangor mengalami gangguan bekalan air disebabkan pencemaran sumber air mentah ketika musim kemarau sekarang.

Purata kenaikan tarif air domestik adalah 16.7% manakala untuk tarif perniagaan biasa, 18.8%.

Kali terakhir kenaikan tarif air domestik untuk penggunaan sehingga 40,000 liter sebulan ialah pada 1993 manakala bagi penggunaan melebihi 40,000 liter sebulan pula kali terakhir dinaikkan pada tahun 2001.

Untuk tarif perniagaan biasa pula, kali terakhir ia dikaji semula pada tahun 2010.

Walaupun selepas kajian semula tarif yang terkini, purata tarif air domestik Pulau Pinang bagi 35,000 liter yang pertama sebulan, adalah RM0.32 setiap 1,000 liter masih yang terendah di Malaysia. Malah, ia lebih rendah daripada purata kebangsaan iaitu RM0.66 setiap 1,000 liter.

Untuk tarif perniagaan biasa, purata tarif di Pulau Pinang untuk 500,000 liter adalah RM1.36 setiap 1,000 liter, berbanding purata kebangsaan RM1.45 setiap 1,000 liter.

Kajian semula tarif air ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang “Negeri Hijau” dan misi PBAPP untuk mengelak catuan air dengan apa cara sekalipun pada ketika perubahan iklim ini.

Pada tahun 2014, purata penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang adalah 293 liter/kapita/hari (l/k/h). Ia adalah yang tertinggi di negara ini. Purata kebangsaan adalah 210 l/k/h dan Singapura mencatatkan 152 l/k/h pada tahun 2013.

Penggunaan bagi pusingan Jan/Feb 2015 malangnya turut menunjukkan peningkatan kepada 298 l/k/h.

Dalam lain perkataan, Pulau Pinang menghadapi risiko catuan ketika musim kemarau berlarutan kerana penggunaan air per kapita domestik yang terlalu tinggi. Kita perlu mengurangkan penggunaannya kepada 210 l/k/h atau pengurangan sebanyak 30% daripada penggunaan semasa 298 l/k/h untuk mengurangkan risiko itu.

Mesejnya mudah, untuk menjadikan Pulau Pinang “Negeri Hijau” dan mengelak catuan air, pengguna air Pulau Pinang perlu mengurangkan penggunaan air. Untuk memastikan kelestarian, sikap menggunakan air berlebihan perlu dielakkan.

Fikirkan masa hadapan dan sila gunakan air dengan bijak. Untuk tip jimat air, sila lawati [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).

Terima kasih.

Ir. Jaseni Maidinsa,  
CEO, PBAPP and PBA Holdings Bhd.

Dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd  
Hubungi: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-201 3231  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)